

**THE SUCCESS OF MEDINA AS AN ISLAMIC CITY IN ENCOUNTERING  
MODERNITY**

**KEJAYAAN MADINAH SEBAGAI BANDAR ISLAM DALAM MENDEPANI ARUS  
KEMODENAN**

Nor Amalina Abd Rahman @ Sabri<sup>i</sup> & Wan Hishamudin Wan Jusoh<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pelajar Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). amalina.unisza@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). wishamudin@unisza.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The earliest Islamic city built by the Prophet Muhammad SAW is in the early seventh century AD. The Islamic city began in the city of Mecca and expanded in Medina with the migration of the Prophet Muhammad SAW to the city. It has been an example of the successful construction of an Islamic city. Therefore, this study was conducted to describe the method of Medina as a successful Islamic city in the face of modernity. The objective of this study is to explain the concept of urbanization and modernity in Islam, as well as describe the success of Medina in encountering the currents of modernity and explain the solution to the challenges of modernity. The city of Medina is used as the main reference of the Islamic city in this study. Study data were collected using the documentation method and analyzed using the content analysis method. The results of this study show that Islamic cities need to adhere to Islamic values firmly and wisely in using modern technology to succeed in urban development and encounter the currents of modernity. Medina became a symbol of the success of the Islamic city because it managed to maintain Islamic values and successfully encounter the challenges of modernity.</i></p> <p>Keywords: <i>Medina, Mecca, Islamic City, Modernity, Construction.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Bandar Islam terawal dibina oleh Nabi Muhammad SAW pada awal abad ketujuh masihi. Bandar Islam bermula di bandar Mekah dan berkembang di bandar Madinah dengan penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke bandar tersebut. Bandar Madinah telah menjadi contoh pembinaan bandar Islam yang berjaya. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan matlamat untuk menghuraikan kaedah Madinah sebagai bandar Islam yang berjaya dalam menghadapi kemodenan. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan konsep perbandaran dan kemodenan dalam Islam, menghuraikan kejayaan Madinah mendepani arus kemodenan serta menjelaskan penyelesaian cabaran kemodenan. Bandar Madinah dijadikan sebagai asas rujukan bandar Islam dalam kajian ini. Data kajian ini dikumpul dengan menggunakan kaedah dokumentasi dan dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati bahawa bandar Islam perlu berpegang kepada nilai-nilai Islam secara teguh serta bijak dalam menggunakan teknologi kemodenan bagi menjayakan pembangunan bandar dan mendepani arus kemodenan. Madinah menjadi simbol kejayaan bandar Islam kerana berjaya mengekalkan nilai-nilai Islam serta berjaya mendepani cabaran arus kemodenan.</i></p>

Kata kunci: <i>Madinah, Mekah, Bandar Islam, Kemodenan, Pembinaan.</i>
--

## PENDAHULUAN

Umat manusia di dunia ini hidup dalam kelompok. Melalui kelompok inilah terbentuknya kawasan perkampungan dan perbandaran. Kawasan perkampungan atau dikenali juga sebagai luar bandar tidak terlalu padat sebagaimana yang berlaku di bandar. Bandar terkenal sebagai tempat persaingan kehidupan dengan jumlah penduduknya yang padat. Kepadatan penduduk ini menjadikan bandar sentiasa bersaing dan seterusnya menghasilkan kemajuan dan kemodenan yang bermanfaat.

Namun begitu, kemajuan dan kemodenan juga mendatangkan cabaran kepada bandar, termasuk juga bandar Islam yang mempunyai nilai-nilai kerohanian yang tinggi seperti Madinah. Oleh itu, bandar Islam perlu mempunyai kaedah penyelesaian yang berkesan bagi mendepani cabaran kemodenan serta melestarikan bandar dan juga agama Islam.

## PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Bandar dikenali sebagai tempat tumpuan yang pesat dengan pembangunan, padat dengan penduduk dan juga sesak dengan kunjungan. Bandar Islam seperti Madinah juga tidak terkecuali daripada menghadapi situasi ini. Madinah merupakan bandar suci umat Islam yang sentiasa dikunjungi sepanjang tahun. Pengunjung yang datang ke Madinah bukan hanya dari bandar atau negara terdekat sahaja, malah turut melibatkan umat Islam dari seluruh dunia. Ini kerana umat Islam berebut untuk mengambil peluang mengunjungi tempat yang berkat dan memiliki banyak catatan sejarah Nabi Muhammad SAW.

Pengunjung datang ke Madinah dengan tujuan untuk mengerjakan ibadat umrah dan haji. Bilangan umat Islam yang mengerjakan ibadat umrah ialah 19.08 juta orang pada tahun 2017, 18.31 juta orang pada tahun 2018 dan 19.16 juta orang pada tahun 2019. Manakala umat Islam yang mengerjakan haji pula ialah 2.35 juta orang pada tahun 2017, 2.37 juta orang pada tahun 2018 dan 2.49 juta orang pada tahun 2019 (stats.gov.sa).

Statistik ini menunjukkan bahawa kedatangan pengunjung ke Madinah semakin ramai saban tahun. Jumlah pengunjung yang ramai ini berlaku dengan adanya pelbagai kemudahan untuk sampai ke bandar Madinah berikutan perubahan dunia yang semakin moden. Keadaan ini telah menjadi suatu cabaran bagi bandar Madinah untuk mengurangkan kesesakan, menyediakan perkhidmatan terbaik serta memastikan keadaan kesihatan pengunjung terjaga dengan baik.

## OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat utama kajian ini dijalankan adalah bagi menjelaskan kaedah Madinah sebagai bandar Islam dalam mendepani arus kemodenan. Oleh itu, tiga objektif kajian telah dikeluarkan bagi mendapatkan dapatan kajian yang selari dengan matlamat kajian. Antara objektif kajian ini ialah menjelaskan konsep perbandaran dan kemodenan dalam Islam, menghuraikan kejayaan Madinah mendepani arus kemodenan serta menjelaskan penyelesaian cabaran kemodenan.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian ini dimulakan dengan pencarian dan penulisan sorotan literatur sebagai asas kajian. Sorotan literatur ini dibahagikan kepada tiga tema, iaitu bandar Islam, cabaran arus kemodenan di Madinah dan juga Madinah mengatasi kemodenan. Pembahagian tema ini dilakukan bagi memastikan literatur kajian dalam keadaan tersusun serta menepati matlamat dan juga objektif kajian.

## Bandar Islam

Bandar merupakan tempat yang mempunyai penduduk ramai dan pusat pelbagai urusan (prpm.dbp.gov.my). Makna ini menunjukkan bahawa bandar merupakan aset penting bagi negara. Pembangunan bandar akan menyumbang kepada pembangunan negara serta

penduduknya. Kepentingan bandar ini menjadikan Islam mengambil berat terhadap pembangunan bandar. Namun begitu, Islam mempunyai pendekatan tersendiri dalam membangunkan bandar berdasarkan kepada nilai-nilai Islam.

Pendekatan yang digunakan dalam membangunkan bandar Islam merupakan faktor kejayaan bagi bandar Islam. Antara faktor kejayaan ini ialah mengutamakan aspek kerohanian serta tidak memisahkan aspek kerohanian dan kehidupan. Aspek kerohanian yang dimaksudkan ialah ajaran agama Islam. Bandar Islam menjadikan prinsip-prinsip ajaran Islam sebagai ikutan yang utama. Ini kerana bandar yang terbaik menurut Islam merupakan tempat tinggal bagi penduduk yang saling berkerjasama dalam mencapai kesejahteraan menurut Islam (al-Farabi, 1906).

Contoh bagi aspek kerohanian yang terkandung dalam pembinaan bandar ialah masjid. Masjid dibina di kawasan bandar dan menjadi pusat segala aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan (Budiman, 2019). Bandar Islam melihat kerohanian sebagai suatu perkara yang penting kerana faktor ini akan menentukan kejayaan pembangunannya. Jika bandar tidak diisi dengan kerohanian, maka fizikal bandar tersebut hanya sekadar bangunan yang tidak bernyawa dan penduduk yang tidak berjiwa.

Walaupun bandar Islam amat mementingkan aspek kerohanian, namun tidak memisahkannya dengan aspek kehidupan seharian. Malahan bandar Islam membina aspek kehidupan dengan nilai-nilai kerohanian. Misalnya penyediaan tempat kediaman penduduk. Kediaman penduduk dibina dengan dinding yang terlindung daripada pandangan mata orang ramai bagi menjaga privasi dan aurat penghuninya (Hassan et al., 2019; Mahmoud Shokry, 2012). Ini menunjukkan bahawa kehidupan seharian penduduk bandar diambil berat sebagaimana kerohanian mereka.

Kedua-dua faktor ini sekiranya diikuti dengan baik oleh setiap bandar Islam di dunia ini pasti akan dapat membina sebuah bandar yang mempunyai nilai peradaban dan ketamadunan yang tinggi. Ini kerana Islam mengutamakan aspek kerohanian tanpa mengabaikan aspek kehidupan seharian. Jelaslah bahawa umat Islam perlu mengikut garis panduan yang telah tersedia dalam syariat Islam bagi mendapatkan kejayaan yang hakiki, termasuk juga dalam pembinaan bandar. Firman Allah SWT:

﴿وَإِذَا سَأَلَكَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ فَلْيَسْتَجِيبُوا لِي وَلْيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشُدُونَ﴾

Maksudnya, “Dan apabila hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku (Allah SWT) maka (beritahu kepada mereka): Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka), Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku, maka hendaklah mereka menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta lurus”. (Al-Quran. Al-Baqarah: 186)

Akhir ayat ini jelas menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan hamba-Nya, iaitu umat manusia agar mengikut segala syariat yang telah ditentukan oleh-Nya agar sentiasa berada dalam keadaan baik dan mencapai kejayaan. Prinsip ini dipegang oleh bandar-bandar Islam di seluruh dunia agar pembinaan bandar berjaya di dunia seterusnya menjadi penyelamat di hari akhirat kelak. Antara bandar Islam yang berpegang teguh kepada prinsip ini ialah bandar Madinah. Bandar ini tidak hanya terbina dengan nilai-nilai Islam, malah pengurusannya turut bergerak seiring dengan kemodenan dunia.

### **Cabaran Arus Kemodenan di Madinah**

Bandar dalam dunia Islam bermula pada abad ketujuh Masihi, atau lebih tepat lagi pada zaman Nabi Muhammad SAW. Bandar Islam kedua selepas bandar Mekah yang menerima ajaran Islam ialah bandar Madinah. Madinah bermaksud bandar dan peradaban. Peradaban bandar ini dapat dilihat melalui pembinaan masjid yang dinamakan sebagai Masjid Nabawi sebagai pusat peradaban. Masjid ini telah menjadi pusat segala aktiviti

keagamaan, politik dan sosial bagi umat Islam pada zaman Nabi Muhammad SAW (Budiman, 2019).

Kedudukan agama Islam di bandar Madinah tidak akan kukuh tanpa adanya kesepakatan bersama agama dan bangsa lain. Kesepakatan ini dicapai dengan kewujudan Piagam Madinah. Piagam yang dipersetujui oleh umat Islam, bangsa Arab bukan Islam dan bangsa Yahudi ini diwujudkan bagi mencapai keadilan dan kedamaian antara agama (Fahrudin, 2013). Ini merupakan permulaan kepada kegemilangan bandar Madinah serta pemangkin kepada perkembangan agama Islam.

Kini umat Islam di Madinah telah menjadi kaum majoriti dan bandar Madinah juga telah menjadi bandar suci bagi umat Islam. Madinah juga telah mencapai tahap moden sebagaimana bandar-bandar lain di seluruh dunia berikutan penggunaan internet di bandar ini telah bermula semenjak tahun 1990-an (Al-Sobhi et al., 2010). Kemodenan datang seiring dengan penggunaan internet yang meluas dalam setiap aspek kenegaraan melibatkan urusan dalam talian. Kemodenan ini menjadikan bandar Madinah menerima kedatangan pengunjung yang ramai dari seluruh dunia (stats.gov.sa).

Jumlah pengunjung yang ramai bukan hanya menjadi suatu peluang kepada bandar Madinah, malah turut menjadi suatu cabaran bagi menyediakan prasarana dan kemudahan yang baik. Ini kerana bandar yang dipenuhi dengan pengunjung pasti akan menghadapi beberapa permasalahan seperti kesesakan, kesukaran menyediakan perkhidmatan yang baik serta masalah berkaitan dengan kesihatan.

Masalah kesesakan pastinya berlaku dengan kehadiran pengunjung yang ramai, terutamanya pada musim haji dan bulan Ramadan. Kesesakan ini berlaku kerana orang ramai bergerak ke tempat yang sama dengan tujuan yang sama. Keadaan ini sering mengakibatkan pengunjung kehilangan arah, pasangan, teman, keluarga dan juga barangan mereka (Nadeem et al., 2021; Yamin & Albugami, 2014).

Selain itu, bandar Madinah juga perlu menyediakan perkhidmatan terbaik kepada para pengunjung. Perkhidmatan terbaik diperlukan bagi memenuhi segala keperluan pengunjung sepanjang berada di Madinah. Peningkatan jumlah pengunjung menyebabkan peningkatan dalam permintaan perkhidmatan dan keperluan (Ali, 2018; Bay, 2020). Misalnya keperluan kepada penginapan, kediaman dan pengangkutan.

Di samping itu, Madinah juga perlu memastikan kesihatan pengunjung berada pada tahap yang optimum. Ini kerana pengunjung yang ramai akan mengakibatkan keadaan menjadi buruk sekiranya berlaku penyebaran penyakit berjangkit. Antara penyakit berjangkit yang pernah berlaku dan memberi kesan kepada pengunjung Madinah ialah MERS-Cov dan Covid-19. Penyakit sebegini akan menyebabkan kesihatan pengunjung yang dijangkiti memburuk dan juga boleh membawa kepada kematian (Al-Ahmadi et al., 2020; Khan et al., 2021). Penyakit yang berbahaya ini mudah tersebar kepada orang ramai. Sekiranya tidak dikawal dengan baik, pengunjung Madinah pasti akan terancam dari sudut kesihatan.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kedatangan pengunjung yang ramai merupakan cabaran utama yang perlu dihadapi oleh bandar Madinah dan akan menjadi penentu bagi ukuran kemodenan bandar ini. Maka Madinah perlulah bersedia dalam mendepani cabaran ini agar kestabilan bandar tidak tergugat serta imej Madinah sebagai bandar Islam tidak terjejas. Cabaran arus kemodenan perlu diatasi dengan memanfaatkan kemodenan yang dimiliki.

### **Madinah Mengatasi Kemodenan**

Madinah sebagaimana bandar lain turut menggunakan teknologi dan kemodenan dalam menguruskan bandar. Teknologi dan kemodenan ini bukan digunakan untuk menguruskan hal ehwal dalaman bandar sahaja, malah digunakan bagi menampung kedatangan pengunjung dari seluruh dunia yang datang mengerjakan umrah dan haji. Kemodenan dunia telah menyumbang kepada jumlah pengunjung Madinah yang ramai saban tahun, berikutan perkembangan dalam penyediaan pakej haji dan umrah. Maka

bandar ini seharusnya menggunakan kemodenan bagi menampung kedatangan pengunjung serta menyediakan perkhidmatan terbaik untuk pengunjung.

Antara perkhidmatan yang dibangunkan di Madinah untuk pengunjung ialah hotel untuk kediaman, bangunan pejabat untuk berurusan dan kereta api metro untuk pengangkutan. Pusat komersial untuk keperluan dan juga tambahan katil di hospital untuk perkhidmatan kesihatan turut diusahakan untuk kemudahan pengunjung (PK, 2013; Pemerintah Madinah lawat tapak-tapak projek, 2016). Usaha ini dilakukan untuk keselesaan para pengunjung Madinah yang dianggarkan akan bertambah dari semasa ke semasa.

Perkhidmatan sebegini dapat diakses melalui aplikasi yang telah disediakan oleh kerajaan Arab Saudi. Aplikasi yang boleh diakses melalui telefon pintar ini merangkumi perkhidmatan bagi mendapatkan keperluan asas, penunjuk arah, penterjemahan, pengangkutan dan kesihatan. Aplikasi yang membolehkan pengguna mencari keperluan asas ialah Nana dan MRSOOL. Kedua-dua aplikasi ini menyediakan perkhidmatan membeli barangan keperluan daripada mana-mana kedai yang dikehendaki serta menghantar barangan tersebut kepada pengguna ([my.gov.sa](http://my.gov.sa)).

Aplikasi untuk menunjukkan arah kepada pengguna pula ialah Manasikana dan Tarwiah. Manasikana akan menunjukkan masjid, restoran, tandas dan tempat membeli-belah terdekat. Manasikana juga berfungsi untuk menunjukkan jalan pintas. Manakala Tarwiah membolehkan pengguna mengesan lokasi tandas dan sumber air, mendapat maklumat mengenai air zamzam dan membuat laporan jika ada masalah berkaitan air ([my.gov.sa](http://my.gov.sa)).

Selain itu, aplikasi untuk penterjemahan ialah Turjuman dan Arafat Sermon. Turjuman membolehkan pengguna menterjemahkan papan tanda arah daripada Bahasa Arab kepada bahasa pengguna tanpa menggunakan internet. Arafat Sermon pula mampu menterjemahkan khutbah Arafah pada hari Arafah untuk pengguna. Manakala aplikasi untuk pengangkutan ialah Careem. Careem membolehkan pengguna menempah kereta untuk bergerak ke mana-mana lokasi yang diinginkan ([my.gov.sa](http://my.gov.sa)).

Terdapat juga aplikasi untuk perkhidmatan kesihatan. Aplikasi untuk perkhidmatan ini ialah Sehha dan Asafny. Sehha menyediakan khidmat nasihat kesihatan dan juga senarai doktor yang berkaitan. Asafny pula boleh menerima laporan kecemasan, mencari lokasi, menyediakan keperluan khas serta merekod sejarah kesihatan pengguna ([my.gov.sa](http://my.gov.sa)). Aplikasi untuk perkhidmatan kesihatan ini turut ditambah berikutan masalah kesihatan dan penyakit berjangkit yang melanda dunia kini, iaitu Covid-19. Satu aplikasi dinamakan sebagai Eatmarna telah dicipta oleh Kementerian Haji dan Umrah untuk mengawal jumlah dan juga kesihatan pengunjung di Masjidil Haram, Mekah dan Masjid Nabawi, Madinah (Khan et al., 2021).

Berdasarkan kepada usaha Madinah dalam menyediakan perkhidmatan bagi menampung kedatangan pengunjung yang ramai ini, dapat dinyatakan bahawa bandar ini bergerak seiring dengan arus kemodenan serta menggunakan kemodenan bagi mendepani cabaran semasa. Bandar ini turut membuktikan bahawa perkhidmatan yang disediakan mempunyai ciri-ciri maju dan moden sebagaimana bandar-bandar lain di seluruh dunia. Oleh itu, wajar sekiranya bandar Madinah ini dilabelkan sebagai bandar Islam berjaya dan juga menjadi contoh bagi bandar Islam lain di dunia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Kaedah dokumentasi digunakan bagi pengumpulan data. Pencarian dan pengumpulan data kajian ini melibatkan sumber sekunder sahaja merangkumi bahan-bahan bercetak dan juga digital. Pengumpulan data ini merangkumi tiga tema, iaitu bandar Islam, cabaran arus kemodenan di Madinah serta Madinah mengatasi kemodenan. Seterusnya data daripada sumber ini dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan ini seterusnya menghasilkan tema dapatan yang selaras dengan matlamat utama kajian, iaitu menjelaskan kaedah bandar Islam mendepani arus kemodenan.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan dan perbincangan kajian ini dapat dikategorikan kepada tiga tema. Tema pertama ialah perbandaran dan kemodenan dalam Islam. Tema kedua pula ialah kejayaan Madinah mendepani arus kemodenan. Manakala tema ketiga ialah penyelesaian cabaran kemodenan. Ketiga-tiga tema ini merupakan hasil dapatan kajian berdasarkan kepada objektif kajian.

### Perbandaran dan Kemodenan dalam Islam

Islam bermula dengan pelantikan Nabi Muhammad SAW sebagai nabi. Penyebaran Islam pula bermula ketika pelantikan Nabi Muhammad SAW sebagai rasul seluruh umat. Kedua-dua peristiwa penting pada permulaan Islam ini berlaku di bandar Mekah. Kemudian umat Islam semakin bertambah dan berkembang dengan penghijrahan Nabi Muhammad SAW ke bandar Madinah. Mekah dan Madinah merupakan bandar yang pesat membangun pada zaman tersebut.

Kedatangan Islam memberikan beberapa pembaharuan dan juga membuktikan kebenaran agama itu sendiri melalui pembangunan perbandaran. Ini kerana Islam itu merupakan agama yang memenuhi aspek kerohanian dan kehidupan, dapat dijadikan garis panduan dalam membentuk masyarakat yang ramai dan pelbagai serta relevan untuk setiap zaman.

Islam dikenali sebagai agama yang terikat dengan amalan-amalan kerohanian seperti solat, puasa, zakat, haji, zikir dan pelbagai bentuk amalan lagi. Amalan-amalan ini dilaksanakan atas perintah Allah SWT serta menunjukkan hubungan antara Tuhan dan makhluk ciptaan-Nya. Ini kerana Allah SWT mencipta manusia hanya dengan satu tujuan, iaitu untuk beribadah kepada-Nya. Firman Allah SWT:

﴿وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ﴾

Maksudnya, "Dan (ingatlah) Aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku." (Al-Quran. Al-Dharyat: 56)

Namun begitu, manusia juga perlu menjalani kehidupan seharian serta berusaha untuk kelangsungan hidup seperti menjalankan sistem pentadbiran dan ekonomi. Keseimbangan antara kerohanian dan kehidupan seharian ini telah diberikan contoh yang baik oleh Nabi Muhammad SAW dalam pembinaan bandar. Nabi Muhammad SAW menunjukkan bahawa Islam mengutamakan kerohanian dan juga menjaga kehidupan masyarakat bandar. Ini dapat dilihat melalui pembinaan masjid untuk beribadat dan juga pembinaan penginapan mengikut syariat Islam sebagai tempat berehat.

Selain itu, Islam dapat dijadikan garis panduan dalam membentuk masyarakat yang ramai dan pelbagai. Kedatangan Islam dengan pelantikan Nabi Muhammad SAW di bandar Mekah dan juga penghijrahan Baginda SAW ke bandar Madinah bukanlah sesuatu kejadian yang berlaku tanpa hikmah. Keadaan ini menunjukkan bahawa agama Islam itu sememangnya diutuskan untuk orang ramai. Islam juga mengajar umatnya cara bermuamalat dengan baik sama ada sesama umat Islam mahupun bersama bukan Islam. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا...﴾

Maksudnya, "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan berpuak, supaya kamu berkenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain)." (Al-Quran. Al-Hujurat: 13)

Oleh itu, dapat dinyatakan di sini bahawa Islam amat meraikan keharmonian antara agama dan bangsa. Berpandukan ajaran al-Quran, Nabi Muhammad SAW menunjukkan contoh kesatuan dan keharmonian antara bangsa dengan kewujudan Piagam Madinah. Perjanjian ini dilakukan bagi menyatukan setiap bangsa di Madinah. Kesatuan dan keharmonian sebegini akan memberi manfaat kepada masyarakat bandar,

termasuk umat Islam sendiri, seterusnya membawa kepada kemajuan dan kestabilan pembangunan bandar.

Tambahan lagi, Islam juga merupakan agama yang relevan bagi setiap zaman. Walaupun zaman kini dikenali sebagai zaman yang penuh dengan kemodenan, namun ajaran Islam masih sesuai diamalkan. Islam tidak akan usang dengan berubahnya dunia dan juga tidak akan hilang dengan bergantinya zaman. Sebaliknya Allah SWT telah menegaskan bahawa Islam itu merupakan petunjuk yang menjelaskan segala hal yang diperlukan oleh manusia. Firman Allah SWT:

﴿...وَوَرَّأْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تَبَيَّنَّا لِكُلِّ شَيْءٍ...﴾

Maksudnya, "Dan Kami turunkan kepadamu al-Quran yang menjelaskan setiap sesuatu." (Al-Quran. Al-Nahl: 89)

Justeru itu, kemodenan seharusnya tidak menjadi penghalang bagi mengamalkan ajaran Islam. Kemodenan itu perlu digunakan untuk menyebarkan agama Islam serta memajukan lagi umat Islam. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak menolak perkara yang baik seperti teknologi kemodenan, walaupun datang daripada luar Islam. Ini kerana kemodenan itu dapat dimanfaatkan oleh umat Islam.

Secara kesimpulannya, Islam yang muncul berkurun lamanya masih menjadi sebuah agama anutan, rujukan serta sesuai dengan peredaran zaman. Segala urusan sama ada melibatkan hal kerohanian mahupun kehidupan perlu mengikut garis panduan syariat Islam, termasuk juga pengurusan perbandaran dan kemodenan dunia. Antara bandar Islam yang perlu berhadapan dengan cabaran dunia moden ialah Madinah. Madinah yang terkenal sebagai bandar suci umat Islam menerima impak besar daripada kemodenan dan berjaya mendepaninya dengan baik.

### **Kejayaan Madinah Mendepani Arus Kemodenan**

Kemunculan internet merupakan petanda bagi era kemodenan dunia. Internet diperkenalkan dan digunakan dalam pelbagai urusan seperti pentadbiran, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Pusat tumpuan negara seperti kawasan perbandaran amat memerlukan internet bagi menjalankan segala urusan berkaitan perbandaran, misalnya sistem pentadbiran dalam talian. Antara bandar yang tidak terkecuali daripada pengaruh kemodenan ini ialah bandar Madinah. Perkembangan Madinah sebagai bandar Islam semakin pesat dengan adanya kemudahan internet pada tahun 1990-an.

Inilah permulaan kemodenan bagi bandar Madinah. Namun begitu, kemodenan ini telah mencipta cabaran baharu bagi bandar Madinah, iaitu kedatangan pengunjung yang semakin ramai saban tahun dari seluruh dunia. Oleh itu, Madinah telah melaksanakan tiga strategi bagi menghadapi cabaran ini. Antara strategi tersebut ialah menyediakan kemudahan mengakses maklumat berkaitan Madinah dan pengurusan kesesakan, menguruskan keperluan asas serta menguruskan hal kecemasan.

Strategi pertama yang digunakan oleh bandar Madinah dalam menghadapi cabaran kemodenan ialah menyediakan kemudahan untuk mengakses maklumat berkaitan bandar tersebut dan juga menguruskan kesesakan bandar. Kemudahan akses maklumat dapat disediakan dengan adanya liputan internet yang baik di sekitar Madinah. Melalui kemudahan ini, pengunjung dapat merancang pergerakan dalam kawasan bandar bagi mengurangkan kesesakan. Antara maklumat yang boleh diakses ialah maklumat berkaitan dengan tempat kunjungan dalam Madinah, pengangkutan dan juga penunjuk arah.

Strategi kedua pula ialah menguruskan keperluan asas pengunjung. Keperluan asas yang dimaksudkan di sini adalah seperti makanan, minuman dan penginapan. Keperluan seperti ini menjadi semakin mudah untuk diperolehi dengan adanya aplikasi telefon pintar. Aplikasi ini membolehkan penggunaannya mendapatkan keperluan sebagaimana yang diinginkan, dalam jumlah yang mencukupi serta dalam keadaan yang

selesa. Oleh itu, pengunjung tidak perlu risau dengan perkara-perkara sebegini serta boleh melaksanakan ibadah dan kunjungan dengan selesa.

Strategi ketiga pula ialah menguruskan hal kecemasan. Hal kecemasan yang dimaksudkan di sini adalah berkaitan dengan kesihatan pengunjung. Strategi ini dilaksanakan dengan melibatkan penyediaan kemudahan di hospital dan juga bantuan kecemasan untuk pengunjung yang mempunyai masalah kesihatan. Kemudahan di hospital seperti penambahan jumlah katil dilakukan bagi membolehkan pihak hospital memaksimumkan jumlah penerimaan pesakit. Bantuan kecemasan pula tidak hanya disediakan di klinik dan hospital, malah turut disediakan melalui aplikasi telefon pintar. Aplikasi ini membolehkan penggunanya menghubungi hospital terdekat dan juga mendapatkan maklumat berkaitan kesihatan yang diperlukan.

Secara kesimpulannya, Madinah sebagai bandar Islam telah berusaha dengan baik dalam menghadapi cabaran kemodenan serta mengekalkan nilai-nilai keagamaan. Madinah turut menunjukkan usaha membangunkan bandar dengan menggunakan kemodenan. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa Madinah merupakan bandar Islam yang berjaya mendepani arus kemodenan serta berupaya menjadi contoh terbaik bagi bandar Islam lain.

### **Penyelesaian Cabaran Kemodenan**

Kemodenan menjadikan sesuatu yang dilihat sebagai mustahil suatu masa dahulu dapat dilakukan dengan baik pada masa kini. Kemudahan peralatan moden seperti internet, satelit dan telefon pintar memberikan peluang baharu dalam membina kehidupan. Namun begitu, kemudahan yang moden ini juga menjadi suatu cabaran untuk diadaptasi dan digunakan dengan baik. Oleh itu, cabaran kemodenan ini perlu diatasi dengan menggunakan teknologi kemodenan juga. Tindakan bijak ini mampu menukarkan cabaran menjadi kemudahan, kemajuan dan perlindungan.

Cabaran akan bertukar menjadi kemudahan apabila cabaran tersebut dikaji dan juga dibina cara untuk mengatasinya. Misalnya cabaran Madinah yang padat dengan pengunjung. Maka bandar itu menyediakan pelbagai kemudahan untuk memudahkan para pengunjung. Kemudahan ini seterusnya akan memberi pelbagai manfaat seperti mudah untuk bergerak, mudah untuk mendapatkan barangan keperluan serta mudah untuk melaksanakan ibadah dan kunjungan.

Cabaran juga akan bertukar menjadi suatu kemajuan apabila cabaran tersebut diatasi dengan teknologi yang lebih maju dan lebih baik. Misalnya cabaran Madinah dalam menyediakan pengangkutan untuk pergerakan pengunjung bandar tersebut. Pengangkutan yang ada di bandar tersebut telah ditambah dan dilakukan penambahbaikan selari dengan teknologi kemodenan yang dimiliki. Ini menjadikan Madinah itu maju serta mampu menguruskan kemajuan tersebut.

Selain itu, cabaran kemodenan juga boleh bertukar menjadi suatu perlindungan. Misalnya sebagaimana yang berlaku di Madinah. Keadaan Madinah yang sesak mengakibatkan pengunjung mudah untuk sesat. Namun begitu, pengunjung boleh mengenal pasti arah dengan menggunakan aplikasi telefon pintar yang khusus disediakan untuk kegunaan dalam bandar Madinah. Ini dapat melindungi pengunjung daripada kehilangan arah, kehilangan teman dan keluarga serta terdedah kepada perkara yang lebih berbahaya.

Kesimpulannya, bandar seperti bandar Islam perlu bijak mengatasi cabaran kemodenan dengan menggunakan kemudahan yang ada dalam kemodenan. Contoh yang baik dalam penggunaan kemodenan ini telah ditunjukkan oleh bandar Islam Madinah. Penggunaan teknologi yang bersifat lebih ke hadapan akan menjadikan bandar Islam lebih maju, sentiasa bersedia dengan segala bentuk cabaran serta mempunyai kesungguhan dalam mempertahankan imej Islam. Tindakan sebegini juga akan menunjukkan kepada dunia bahawa Islam itu merupakan satu cara hidup yang tidak mengetepikan keperluan kemanusiaan mahupun kemodenan dunia.



**PENUTUP**

Kejayaan bandar Islam seperti Madinah dalam menerapkan kemodenan menunjukkan bahawa Islam itu tidak jumud dan bergerak seiring dengan zaman. Malah kemodenan menjadikan bandar Islam lebih menyerlah di mata dunia. Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa cabaran arus kemodenan dapat dihadapi dengan memanfaatkan kemodenan tersebut tanpa mengabaikan syariat Islam. Ini akan menjadikan bandar Islam itu moden, lebih berdaya tahan serta stabil dalam semua aspek, sama ada aspek kerohanian mahupun perbandaran.

**PENGHARGAAN**

Kajian ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian menggunakan dana Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), FRGS/1/2019/SS06/UNISZA/02/03 (RR316) bertajuk "Pembinaan Model Amar Makruf Nahi Mungkar dalam Amalan Kejiranan Penduduk Bandar di Malaysia". Terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kerana memberi dana dan menyokong penghasilan kajian ini.

**RUJUKAN**

- Bay, M. A. 2020. *The Sacred City Assemblage A Study of the Value-Based Preservation and Heritage Production Process of the Sacred City of al-Madinah*. Boulder: University of Colorado.
- Al-Farabi, Abu al-Nasr Muhammad ibn Muhammad. 1906. *Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*. t.tp.: t.pt.

**Jurnal**

- Al-Ahmadi, K. H., Alahmadi, M. H., Al-Zahrani, A. S., & Hemida, M. G. 2020. *Spatial Variability of Middle East Respiratory Syndrome Coronavirus Survival Rates and Mortality Hazard in Saudi Arabia, 2012 - 2019*. PeerJ, h. 2-27. <https://doi.org/10.7717/peerj.9783>
- Ali, A. 2018. *Travel and Tourism: Growth Potentials and Contribution to the GDP of Saudi Arabia*. Problems and Perspectives in Management, Vol. 16, h. 417-427. [https://doi.org/10.21511/ppm.16\(1\).2018.39](https://doi.org/10.21511/ppm.16(1).2018.39)
- Fahrudin, M. 2013. *Muatan Nilai dan Prinsip Piagam Madinah dan Pancasila: Analisa Perbandingan*. ULUL ALBAB Jurnal Studi Islam, Vol. 12, h. 96-109. <https://doi.org/10.18860/ua.v0i0.2399>
- Khan, A., Alahmari, A., Almuzaini, Y., Alturki, N., Aburas, A., Alamri, F. A., Albagami, M., Alzaid, M., Alharbi, T., Alomar, R., Abu Tayli, M., Assiri, A. M., & Jokhdar, H. A. 2021. *The Role of Digital Technology in Responding to COVID-19 Pandemic: Saudi Arabia's Experience*. Risk Management and Healthcare Policy. Vol. 14, 3923-3934. <https://doi.org/10.2147/rmhp.s317511>
- Mahmoud Shokry, H. 2012. *Islamic Urbanism and Access Regulation as a Guide To the Future the Case of Medieval Cairo*. Journal of Engineering Sciences, Vol. 40, h. 943-958. <https://doi.org/10.21608/jesaun.2012.114428>

**Kertas Kerja Persidangan**

- Budiman, H. 2019. *Istanbul, The Development of Islamic City Thinking*. Dalam A. Wismadi, P. A. P. Agustiananda, M. Fauziah, B. Kushari, A. Nurmiyanto, & J. A. Fajri (Ed.). MATEC Web of Conferences, Vol. 280, h. 1-9. <https://doi.org/10.1051/mateconf/201928002005>
- Hassan, H., Mohd Isa, N. M., & Ahmad, G. 2019. *Islamic Built Environment Factors as Islamic City Image Constructs*. Symposium on Islamic Tourism 2019, h. 1-10.
- Nadeem, A., Rizwan, K., Mehmood, A., Qadeer, N., Noor, F., & Alzahrani, A. 2021. *A Smart City Application Design for Efficiently Tracking Missing Person in Large Gatherings in Madinah Using Emerging IoT Technologies*. 2021 Muhammad Ali Jinnah University

International Conference on Computing (MAJICC), h. 1-7.  
<https://doi.org/10.1109/MAJICC53071.2021.9526244>

Yamin M. & Albugami M.A. 2014. *An Architecture for Improving Hajj Management*. In: Liu K., Gulliver S.R., Li W., Yu C. (Ed.) *Service Science and Knowledge Innovation, ICISO 2014. IFIP Advances in Information and Communication Technology*, Vol. 426. [https://doi.org/10.1007/978-3-642-55355-4\\_19](https://doi.org/10.1007/978-3-642-55355-4_19)

#### **Internet**

Pemerintah Madinah Lawat Tapak-Tapak Projek. <https://www.proquest.com/wire-feeds/madinah-governor-visits-project-sites/docview/1764920964/se-2?accountid=50217> (diakses pada 30 Oktober 2021).

PK, A. G. Metro System to Lead Facelift of Madinah. McClatchy - Tribune Business News. <https://www.proquest.com/wire-feeds/metro-system-lead-facelift-madinah/docview/1400547136/se-2?accountid=50217> (diakses pada 30 Oktober 2021).

Portal Rasmi Kerajaan Arab Saudi. [my.gov.sa](http://my.gov.sa) (diakses pada 29 Oktober 2021).

Portal Rasmi Pihak Berkuasa Am Statistik Arab Saudi. [stats.gov.sa](http://stats.gov.sa) (diakses pada 30 Oktober 2021).

Portal Rasmi Pusat Rujukan Persuratan Melayu. [prpm.dbp.gov.my](http://prpm.dbp.gov.my) (diakses pada 27 Oktober 2021).

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*